



Ruj. Tuan :
Ruj. Kami :
Tarikh : KKM. 100-2/2/3 JLD. 3 (100)
24 Disember 2020

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Bin Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan

Melalui :

YBhg. Dato' Dr. Chong Chee Kheong
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

YBhg. Tan Sri,

**KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN
MALAYSIA MENGENAI SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA
DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**

DATUK DR NORHAYATI BT RUSLI
(No. Pendaftaran Penuh MPM: 30041)
Pakar Perubatan Kesihatan Awam
Pengaroh Kawalan Penyakit
d.p. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (KA)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Bersama-sama ini dikemukakan Kenyataan Akhbar Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia berkenaan Situasi Semasa Demam Denggi, Zika dan Chikungunya di Malaysia bagi ME 51/2020 (13 Disember hingga 19 Disember 2020) untuk persetujuan YBhg. Tan Sri.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATUK DR. NORHAYATI BT RUSLI)
Pengaroh Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 51/2020 dari 13 Disember hingga 19 Disember 2020)

Pada minggu ke-51, kes Demam Denggi yang dilaporkan menunjukkan penurunan sebanyak 24 kes (3%) dengan sebanyak 771 kes dilaporkan berbanding 795 kes pada minggu sebelumnya. Sebanyak satu (1) kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan pada minggu ke-51. Jumlah kumulatif kes Demam Denggi sehingga kini adalah sebanyak 88,845 kes berbanding 127,407 kes bagi tempoh sama tahun 2019 iaitu penurunan sebanyak 30.3% (38,562 kes). Manakala jumlah kumulatif kematian adalah sebanyak 142 kematian berbanding 176 kematian bagi tempoh sama tahun 2019 iaitu pengurangan sebanyak 34 kematian (19.3%) **(Lampiran A & C)**.

Sebanyak 14 lokaliti hotspot dilaporkan pada minggu ke-51 berbanding 20 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Majoriti hotspot iaitu 13 lokaliti (92.9%) dilaporkan dari Negeri Selangor dan satu (1) lokaliti hotspot dari negeri Sabah (7.1%). **(Lampiran B & D)**.

Jangkitan Chikungunya melaporkan sebanyak 20 kes pada minggu ke-51 dengan (8) kes adalah dari Negeri Perak, enam (6) kes dari Negeri Pulau Pinang, tiga (3) kes dari Negeri Kedah, dua (2) kes dari Negeri Johor dan satu (1) kes dari Negeri Melaka. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah sebanyak 2,556 **(Lampiran E)**. Bagi surveilan Zika, sebanyak 1,853 sampel darah dan 23 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan kesemuanya adalah negatif Zika.

Tahun 2020 merupakan tahun yang mencabar kepada dunia dan khususnya negara Malaysia berikutan pandemik COVID-19 yang melanda. Namun begitu, disamping perang melawan COVID-19, anggota kesihatan tetap meneruskan aktiviti kawalan Denggi bagi memastikan peningkatan kes dapat dibendung. Di samping itu, penglibatan dan kerjasama masyarakat adalah sangat diperlukan untuk memastikan usaha mencegah Denggi berhasil. Masyarakat perlu meneruskan aktiviti pembersihan sendiri di premis masing-masing. KKM ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua anggota KKM di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri dan Pejabat Kesihatan Daerah serta anggota di lain-lain Kementerian, Jabatan dan Agensi, termasuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang telah bertungkus-lumus melaksanakan aktiviti pencegahan dan kawalan Denggi di lapangan. Pada tahun 2021, marilah kita tanamkan azam untuk terus berusaha menjaga persekitaran dan kebersihan tanpa ancaman Denggi. Selamat Menyambut Tahun Baru 2021, Malaysia! Tidak peduli, maut menanti. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya dan Zika.**



ky

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH

Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

~~Januari 2021~~


30 Dec 2020

TKPK KA
b.p KPK KKM


DATO' DR. CHONG CHEE KHEONG
(MPM 26477)
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke- 50 dan ke- 51 tahun 2020



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke- 51 tahun 2020 dan tempoh sama tahun 2019



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2020, 2019 dan Median 2015-2019



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke-51 tahun 2020

**KES DEMAM DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 51/2020
(13 Disember hingga 19 Disember 2020)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Kumulatif kes demam denggi sehingga minggu 51/2020		Kumulatif kes demam denggi sehingga minggu 51/2019	
		Minggu Epid 51 (13 Disember – 19 Disember 2020)		Minggu Epid 50 (6 Disember – 12 Disember 2020)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	0	0	0	0	80	0	282	0
2	Kedah	8	0	4	0	769	0	1,569	6
3	P. Pinang	18	0	13	0	1,025	2	4,087	9
4	Perak	10	0	17	0	2,631	3	3,134	4
5	Selangor	360	0	366	0	43,941	37	70,869	55
6	WP KL & Putrajaya	85	0	83	0	10,451	7	15,206	9
7	N. Sembilan	21	1	21	0	2,858	10	2,254	10
8	Melaka	22	0	28	0	2,770	8	2,108	7
9	Johor	122	0	149	0	11,389	42	10,682	29
10	Pahang	34	0	32	0	3,176	8	2,802	8
11	Terengganu	3	0	11	0	395	0	539	3
12	Kelantan	25	0	14	0	3,863	7	5,915	8
13	Sarawak	10	0	13	0	1,498	2	2,578	5
14	Sabah	53	0	44	0	3,992	16	5,346	23
15	WP Labuan	0	0	0	0	7	0	36	0
	MALAYSIA	771	1	795	0	88,845	142	127,407	176

Lampiran D

LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 51/2020 (13 Disember hingga 19 Disember 2020)

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	H/Langat	Jln Impian Kasih Saujana Impian	30	75
2	SELANGOR	H/Langat	Apartmen Sri Raya Tmn Sepakat Indah	13	65
3	SELANGOR	Petaling	Sek 9 (Kuarters IPK Selangor)	15	60
4	SELANGOR	H/Langat	Kem PGA Batu 7 Cheras	21	55
5	SELANGOR	Petaling	Bdr Puteri 9 (Aseana Puteri Kondo) Blok A, B, C	14	54
6	SELANGOR	H/Langat	Sek 5 Bandar Sri Putra	13	53
7	SELANGOR	H/Langat	Apartmen Seri Kamelia Tmn Sepakat Indah	11	50
8	SABAH	K/Kinabalu	Kg Tebobon	23	49
9	SELANGOR	H/Langat	Jln BM 6/A Bandar Bukit Mahkota	20	49
10	SELANGOR	Petaling	Bandar Puteri 9	16	41
11	SELANGOR	Petaling	Sek 27 (Teres A : Jln 27/10A-27/20D)	13	40
12	SELANGOR	Petaling	Sek U16 (Denai Alam Teres L : Jln U16/81-U16/88)	9	37
13	SELANGOR	Petaling	Bandar Puteri 7	4	34
14	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Perdana (LP 7)	10	32

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI
SEHINGGA MINGGU EPID 51/2020 (19 Disember 2020)**

BIL	NEGERI	DAERAH	BIL KES (Daerah)	BIL KES (Negeri)
1	Kedah	Baling Kota Setar Kuala Muda Kubang Pasu Kulim Pendang Sik Yan	8 4 15 3 45 2 2 3	82
2	P. Pinang	Barat Daya Timur Laut Seberang Perai Utara Seberang Perai Tengah Seberang Perai Selatan	261 812 28 48 16	1,165
3	Perak	Batang Padang Hilir Perak Hulu Perak Kampar Kerian Kinta Kuala Kangsar Larut, Matang & Selama Manjung Muallim Perak Tengah	61 1 4 165 1 599 82 113 19 2 2	1,048
4	Selangor	Hulu Langat Klang Gombak Petaling	11 3 1 2	17
5	WPKL & P	Kepong Titiwangsa Cheras	3 1 2	6
6	Johor	Muar Johor Bahru Segamat Tangkak	23 3 1 1	28
7	Pahang	Bera Cameron Highland	1 1	2
8	Kelantan	Bachok Kota Bharu Kuala Krai Machang Tanah Merah	5 111 3 4 2	160

		Tumpat	30	
		Pasir Mas	3	
		Pasir Puteh	2	
9	Sabah	Kota Kinabalu	1	1
10	Perlis	Kangar	1	1
11	Melaka	Melaka Tengah	42	46
		Jasin	2	
		Alor Gajah	2	
JUMLAH			2,556	